

PENDIDIKAN ISLAM: CABARAN DI ALAF BARU

Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Jasmi, K. A. (2011). Pendidikan Islam: Cabaran di Alaf Baru in *Seminar Pendidikan Islam* at Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar on 30 Oktober 2011 .

Abstrak

Islam menuntut semua guru pendidikan Islam berada dalam kedudukan yang cemerlang sebagaimana cemerlang utusan Allah SWT yang diutus-Nya ke muka bumi dalam berdakwah, mendidik, dan membangunkan kemanusiaan. Tuntutan ini berlandaskan keperluan para pelajar dan guru itu sendiri. Keperluan pelajar adalah dari segi isu dan cabaran akhlak yang dihadapi oleh para pelajar Islam di Malaysia. Manakala keperluan Guru pula terdiri permasalahan kualiti guru Pendidikan Islam, kualiti pendekatan pengajaran dan pembelajaran, kualiti penggunaan ICT, kualiti penguasaan ilmu khusus Pendidikan Islam, kualiti personaliti, dan persekitaran guru Pendidikan Islam. Cabaran ini cuba dikupas secara tuntas bagi meningkatkan kesedaran para guru khususnya guru Pendidikan Islam.

PENDIDIKAN ISLAM: CABARAN DI ALAF BARU*

Kamarul Azmi bin Jasmi
Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

PENGENALAN

Ajaran Islam amat menekankan umatnya sentiasa menjadi cemerlang dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Apatah lagi kepada guru Pendidikan Islam yang diberi tanggungjawab untuk mendidik anak-anak Islam kepada ketinggian akhlak, peribadi dan kesempurnaan iman dan amal agama. Hal ini dijelaskan sendiri oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya (Muslim 2001: 4816; Ibn Majah t.t.: 76, 4158; Ahmad 1994: 4836, 4873),

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ وَفِي كُلِّ خَيْرٍ أَحْرَصٌ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ وَأَسْتَعِنُ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزُ

Ertinya, "Abu Hurairah r.a. melaporkan, "Rasulullah s.a.w. bersabda, "Seorang mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah daripada seorang mukmin yang lemah. Namun kedua-duanya masih memperolehi kebaikan (kerana keimanan mereka). Berlumba-lumbalah untuk mendapatkan apa sahaja yang memberikan manfaat kepadamu dan (jangan lupa untuk) memohon pertolongan kepada Allah serta jangan kamu berasa lemah!"

(Riwayat Muslim)

Ibnu 'Alan (1998) dalam menghuraikan hadis ini menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan mukmin yang kuat ini ialah mukmin yang tahan sabar dalam mendidik manusia dan mengajar mereka dengan kebaikan serta sentiasa sabar dalam memberi tunjuk ajar. Tafsiran ini amat berkait rapat dengan guru Pendidikan Islam. Pengertian ini ditambah lagi oleh Ibnu 'Alan dengan pandangan al-Qurtubi yang menjelaskan bahawa mukmin yang kuat itu adalah mukmin yang bukan sahaja mempunyai tubuh badan yang sihat tetapi juga mempunyai keazaman yang tinggi serta cemerlang dalam apa sahaja usaha dalam menegakkan agama kepada diri sendiri dan orang lain. Huraian yang sama juga dikemukakan oleh al-Nawawi (1981) dengan penjelasan bahawa apa yang dimaksudkan oleh hadis sebagai mukmin yang kuat itu ialah orang yang mempunyai keazaman diri yang tinggi, bijaksana dalam urusan akhirat, paling terkehadapan dalam memerangi musuh Islam dalam jihad, paling bersegera untuk pergi berjihad, dan sangat tinggi keazaman dalam perkara menyuruh yang makruf dan mencegah yang mungkar serta sabar terhadap dugaannya, sanggup bersusah payah untuk menegakkan agama Allah S.W.T.

* Kertas kerja ini dibentangkan sempena Seminar Pendidikan Islam di Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar pada 30 Oktober 2011 di Dewan Utama, Anjuran Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar.

dan sangat cintakan solat, puasa, zikir dan segala ibadat lagi amat menjaga amalan-amalan tersebut. Pengertian ini dalam konteks guru pendidikan Islam jelas memberi maksud bahawa guru pendidikan Islam yang cemerlang lagi mempunyai keazaman yang tinggi untuk kecemerlangan anak didiknya amat dicintai dan dihargai di sisi Allah S.W.T. kerana kecemerlangannya sudah tentu akan memberikan implikasi yang mendalam kepada para pelajarnya. Ini seterusnya akan membangunkan generasi yang baik saban tahun yang semuanya akan menjadikan agama Islam didokong oleh umatnya yang cemerlang. Sebab itu, Nabi pernah menjelaskan tentang kesukaan Allah S.W.T. ini terhadap hamba-hambanya (al-Tabrani t.thn.),

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يَتَّقَنَهُ أَوْ يَحْكُمَهُ

Ertinya: “*Sesungguhnya Allah S.W.T. suka apabila seorang itu itu berkerja dan berusaha, dia melakukan dengan bersungguh-sungguh atau bijaksana (cemerlang).*”

(Al-Tabrani)

Menjadi guru Pendidikan Islam yang cemerlang amat dituntut oleh agama Islam. Tuntutan ini berdasarkan cara dan kehendak Allah S.W.T. dalam pengajaran, keperibadian, pengurusan diri, dan organisasi. Allah S.W.T. amat suka kesempurnaan yang dilakukan guru Pendidikan Islam kerana seolah-olah mereka telah meniru ciri keindahan, kecantikan dan kesempurnaan diri-nya selaku pencipta, pengurus dan pentadbir. Hal ini telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya (Muslim 2001: 131; Abu Dawud 1994:3569; Ahmad 1994: 3462, 3852),

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبَرٍ قَالَ رَجُلٌ إِنَّ الرَّجُلَ يُحِبُّ أَنْ يَكُونَ تَوْبُهُ حَسَنًا وَنَعْلُهُ حَسَنَةً قَالَ إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ الْكِبْرُ بَطْرُ الْحَقِّ وَغَمَطُ النَّاسِ.

Ertinya, “*Abdullah ibnu Mas‘uud melaporkan sabdaan Nabi s.a.w.: “Tidak masuk syurga sesiapa yang ada di dalam hatinya sebesar zarah daripada sifat takbur. Seorang lelaki bertanya, “(Bagaimana dengan) seorang lelaki yang suka kepada pakaian dan kasut yang cantik.” Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sesungguhnya Allah itu cantik dan sempurna, dia suka kepada yang cantik dan sempurna, sedangkan takbur itu akan menyebabkan kebenaran tertutup serta memandang hina kepada manusia.”*”

(Riwayat Muslim dan Ahmad)

Dalam mensyarahkan maksud *inn Allaha jamil yuhibbu al-jamal* dalam hadis ini Imam al-Nawawi (1981) menjelaskan bahawa ayat ini ada membawa beberapa maksud. Maksud pertama ialah segala urusan atau perintah, nama, dan sifat Allah S.W.T. adalah cantik dan sempurna. Maksud kedua pula ialah Allah S.W.T. adalah yang tercantik dan tersempurna. Manakala maksud ketiga ialah Allah S.W.T. itu gemilang dan terbilang.

Maksud keempat ialah cantiknya tindakan atau pengurusan Allah S.W.T. kepada hamba-hambanya. Ini bermaksud segala sifat cemerlang ada pada Allah dan dia suka juga hambanya bersifat cemerlang. Hanya jangan sampai kecemerlangan tersebut menyebabkan diri manusia takbur kepada manusia lain kerana sifat ini khusus kepada Allah S.W.T. Jika hadis ini dirujuk kepada guru Pendidikan Islam, maka ini bermaksud Allah S.W.T adalah cemerlang, gemilang dan terbilang dalam segala segi; sama ada pada nama, sifat, penciptaan, pentadbiran, pengurusan, dan pemerintahan. Oleh itu, dia juga mahu guru Pendidikan Islam adalah terdiri daripada orang yang mempraktikkan sikap yang cemerlang pada sifat personal, interpersonal, pengajaran dan pengurusan diri dan organisasi.

Justeru, guru Pendidikan Islam sepatutnya merupakan golongan yang cemerlang dalam keluarga, masyarakat dan sekolah. Ini kerana mereka merupakan golongan yang paling memahami kehendak tuntutan agama untuk sentiasa menjadi cemerlang dalam setiap saat kehidupannya. Kecemerlangan ini amat diperlukan oleh guru-guru pendidikan Islam apatah dengan tuntutan zaman yang semakin mencabar. Tulisan ini cuba membincangkan isu dan kajian pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam agar menjadi kesedaran yang mendalam kepada bakal-bakal guru Pendidikan Islam untuk meningkatkan diri ke tahap yang cemerlang.

ISU CABARAN AKHLAK, DISIPLIN DAN AGAMA

Hassan Langgulung (1977) menyatakan bahawa masalah pelajar yang paling utama sekali yang dihadapi oleh pelajar di sekolah ialah masalah cabaran akhlak, disiplin dan agama. Cabaran kemerosotan akhlak dan disiplin pelajar merupakan satu satu lagi cabaran yang perlu ditangani oleh guru-guru pendidikan Islam di Malaysia. Menangani cabaran ini sudah tentu sukar bagi guru biasa. Cabaran ini memerlukan kepakaran dan pengalaman yang luas khususnya daripada golongan guru Pendidikan Islam yang bersifat Cemerlang.

Bukti daripada cabaran kemerosotan akhlak dan disiplin ini boleh dilihat daripada statistik yang dibincangkan berikut. Secara keseluruhannya masalah dan cabaran disiplin pelajar di sekolah meningkat dari tahun ke tahun. Sebahagian besar daripada masalah ini pula datangnya daripada remaja dan pelajar Melayu yang majoritinya adalah orang Islam (Marzita 2007). Sebagai contoh Kes jenayah yang melibatkan juvana lelaki dalam tempoh 10 tahun antara 1989 hingga 1998 meningkat sebanyak 35 peratus. Manakala remaja perempuan meningkat sebanyak 25 peratus (Abdullah, 2007). Statistik Berita Harian pada 4 Ogos 2004 menjelaskan lagi tentang jumlah tangkapan dan kes juvana serta jumlah tangkapan yang melibatkan pelajar Melayu pada tahun 2000-2004. Statistik seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1 dan Jadual 1.2.

Jadual 1.1: Jumlah Juvana Sejak Tahun 2000-2004

Tahun	2000	2001	2002	2003	*2004	Jumlah
Tangkapan	2,714	2,301	2,018	2,562	1,331	10,926
Kes Juvana	1,502	1,327	1,136	1,429	715	6,109

Jadual 1.2: Jumlah Tangkapan Pelajar Melayu Tahun 2000-2004

Tahun	2000	2001	2002	2003	*2004
Peratusan Tangkapan	69.38	75.36	76.25	78.53	79.64

Jumlah Tangkapan	1,883	1,734	1,535	2,012	1,060
-------------------------	-------	-------	-------	-------	-------

**sehingga bulan Jun*

Sumber: Berita Harian 04 Ogos 2004

Jadual 1.3: Kes Juvana Tahun 2004 Mengikut Negeri

Bil.	Negeri	Jumlah	Peratusan
1.	Kuala Lumpur	874	14.43
2.	Selangor	816	13.47
3.	Johor	751	12.40
4.	Perak	713	11.77
5.	Terengganu	525	8.67
6.	Sabah	394	6.51
7.	Sarawak	362	5.98
8.	Kedah	334	5.52
9.	Kelantan	325	5.37
10.	Pulau Pinang	317	5.23
11.	Negeri Sembilan	246	4.06
12.	Pahang	182	3.01
13.	Melaka	117	1.93
14.	Perlis	100	1.65
Jumlah		6,056	100

Sumber: Harian Metro, Minda, 8 Februari 2007

Namun secara keseluruhannya sepanjang tahun 2000-2004, seramai 34,156 pesalah juvana telah ditangkap membabitkan 22,154 kes. Daripada jumlah juvana tersebut, 10,926 adalah terdiri daripada golongan pelajar (Ahmad Nazri, 2007). Menurut Kementerian Keselamatan dalam Negeri (2007) yang bertarikh 1 April 2006, terdapat peningkatan kes jenayah pelajar termasuk kes dadah di antara tahun 2003, 2004 dan 2005. Jumlah kes jenayah ini pada tahun 2005 meningkat sebanyak 108 kes pada tahun 2005 dengan jumlah 1,607 kes berbanding 1,499 kes (2004) dan 1,429 kes (2003). Menurut Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd Bakri Omar, 135 pelajar sekolah rendah dan 2,754 pelajar sekolah menengah ditangkap kerana disyaki terbabit dalam kegiatan jenayah pada 2005. Jumlah itu meningkat dengan mendadak berbanding 122 pelajar sekolah rendah dan 2,609 pelajar sekolah menengah ditangkap pada 2004. Daripada jumlah itu, kesalahan membabitkan dadah mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952 membabitkan 255 pelajar sepanjang tahun lalu, 228 pelajar (2004) berbanding hanya 59 pelajar (2003). Analisis kes juvana 2004 yang lebih terperinci telah dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Data statistik ini dikeluarkan mengikut peratusan negeri. Statistik ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.3.

Statistik peningkatan jenayah pelajar diperkukuhkan lagi dengan statistik yang dikeluarkan oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) yang dipengerusikan oleh Datuk Dr. Maximus Ongkili, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Beliau menjelaskan bahawa peratusan kes jenayah di kalangan pelajar meningkat tahun 2005, iaitu sebanyak 5,543 kes berbanding pada tahun 2004 sebanyak 5,140 kes. Dalam statistik yang lain pula,

mengikuti Polis Diraja Malaysia (PDRM), peratusan disiplin moral di kalangan pelajar sedikit menurun iaitu 1.74 peratus daripada 5.5 juta pelajar pada 2005 berbanding 2 peratus pada 2004. Peratusan ini walaupun nampak kecil, akan tetapi ianya mewakili 100,000 bilangan pelajar daripada 5.5 juta (Malaysia Today Online, 2007). Peningkatan yang berterusan kadar jenayah ini masih lagi terus bertambah pada tahun 2006. Hal ini sebagaimana menurut Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan ketika ditanya adakah jenayah pelajar (juvana) membimbangkan? Beliau telah menjelaskan seperti berikut (Efendi Badarudin 2007):

“Benar, perkara ini sangat serius. Ini mungkin kerana perubahan sikap masyarakat hari ini. Dulu kita boleh menegur anak-anak jiran, sekarang, kalau menegur, kita pula dimarahi dan disuruh menjaga tepi kain sendiri. Saya dulu kalau hendak buat nakal akan fikir banyak kali. Sebabnya, satu kampung menjadi pemerhati dan risau jika mereka mengadu pada ibu saya.

“Pembabitian remaja dan pelajar berusia tujuh hingga 18 tahun dalam jenayah mencatatkan peningkatan membimbangkan dengan kenaikan sebanyak 1,295 kes pada tahun lalu berbanding 2005. Peningkatan daripada 5,543 kes pada 2005 kepada 6,838 kes pada tahun lalu menyamai rekod jenayah dilakukan warga asing terutama pendatang tanpa izin di seluruh negara dalam tempoh masa itu. Tahun lalu, kes remaja yang terbabit dalam jenayah mencatatkan 5,007 kes (2.15 peratus) berbanding 3,936 kes (1.9 peratus) pada tahun sebelumnya manakala pelajar meningkat daripada 1,607 kes kepada 1,831 (0.78).

“Tahun lalu, indeks jenayah mencatatkan peningkatan 13 peratus iaitu daripada 205,796 kes pada 2005 kepada 232,620 kes. Ini jumlah yang besar, kes remaja menagih dadah juga meningkat.”

Harian Metro, 22 Julai 2007

Semua statistik yang dibentangkan menggambarkan betapa cabaran akhlak, disiplin dan moral menjadi satu daripada cabaran yang kian bertambah dari tahun ke tahun bagi guru Pendidikan Islam di Malaysia. Aliran meningkat ini dijangka berterusan pada masa akan datang. Namun begitu, jika statistik ini dilihat dari segi aspek kes, cabaran akhlak, disiplin dan moral lebih mencabar lagi bagi mereka kerana contoh kes yang berlaku memberi gambaran keseriusan kemerosotan akhlak, disiplin dan moral para pelajar di Malaysia khususnya kepada pelajar Islam. Contoh-contoh kes boleh dilihat seperti di bawah ini:

- (1) Pada 31 April 2005, seorang remaja berusia 17 tahun mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Kota Bharu di atas dakwaan merogol jururawat pelatih di bilik air Asrama Kejururawatan Hospital Kota Bharu (HKB), di Jalan Hospital pada 22 April 2005.
- (2) Pada 1 April 2005 di Petaling Jaya, Selangor, seorang remaja 16 tahun didakwa di Mahkamah Juvana di atas dua tuduhan menceroboh Sekolah Menengah Sri Serdang dan mengugut untuk membunuh pengetua sekolah itu pada 23 Februari 2005 (Ahmad Nazri 2007).
- (3) Pada tahun 2006, seorang pelajar Sekolah Kebangsaan Taman Desa berumur 12 tahun memukul guru sekolahnya yang berumur 26 tahun dengan penyodok apabila beliau

dimarahi kerana tidak menyiapkan kerja sekolah dan diminta untuk menyiapkan kerja sekolah sambil berdiri.

- (4) Pada tahun 2006, Di Kedah, seorang guru disiplin Sekolah Menengah Datuk Syed Omar berumur 39 tahun dibelasah sehingga mengalami kecederaan parah di muka dan badan kerana menangkap seorang pelajar yang lari daripada majlis perhimpunan. Beliau dibelasah, ditendang dan ditumbuk bertubi-tubi oleh dua orang pelajar tingkatan lima ketika majlis perhimpunan berlangsung.
- (5) Pada tahun 2006, Kes yang sama di Kedah, seorang guru perempuan Sekolah Menengah Kebangsaan Tokai, Pendang telah ditampar oleh seorang pelajar perempuan tingkatan empat apabila guru tersebut menegur kesilapan pelajar perempuan tersebut. Akibat merasa sedih yang amat sangat apabila seorang guru diperlakukan seperti itu, guru itu membuat laporan polis (Malaysia Today Online, 2007).
- (6) Terdapat sebanyak 1422 kes jenayah yang dilakukan oleh pelajar sekolah sepanjang tujuh bulan pertama 2006. senarai jenayah seperti yang digambarkan dalam Jadual 1.4 ini (Ramasamy C. 2007):

Jadual 1.4: Jenayah Pelajar Tujuh Bulan Jan-Julai 2006

Bil.	Kes	Jumlah
1.	Rogol	74
2.	Mencabul kehormatan	66
3.	Rompakan berkumpul bersenjata	1
4.	Rompakan berkumpul tanpa senjata	28
5.	Peras ugut	14
6.	Ancaman jenayah	27
7.	Merusuh	86
8.	Menyebabkan kecederaan bagi Seksyen 323	85
9.	Menyebabkan kecederaan bagi Seksyen 324-326	74
10.	Kecurian	265
11.	Curi kereta	1
12.	Curi motosikal	435
13.	Ragut	26
14.	Pecah rumah	181
15.	Mengedar dadah	1
16.	Memiliki dadah	58
Jumlah Keseluruhan		1422

Kes-kes jenayah yang dilakukan oleh pelajar ini menunjukkan para pelajar sekarang sudah terlibat dengan kes-kes yang menyamai dengan orang dewasa. Berdasarkan statistik dan contoh kes, jelas guru-guru Pendidikan Islam mempunyai tanggungjawab tambahan dalam pengajaran dan pembelajaran mereka, iaitu selain membentuk para pelajar kepada kehidupan beragama, berakhlak dan bermoral, mereka perlu juga menangani dan membimbing pelajar yang bermasalah, membendung penularan kemerosotan akhlak, disiplin dan moral pelajar yang telah rosak kepada pelajar yang masih belum rosak serta mempertingkatkan pertahanan diri para pelajar yang belum rosak ini daripada dipengaruhi

golongan para pelajar yang telah rosak ini. Semua perkara ini memerlukan seorang guru pendidikan Islam yang mempunyai sifat dan peribadi guru cemerlang. Ini kerana peranan mereka semakin rumit. Guru pendidikan Islam telah memahami bahawa tujuan pendidikan itu ialah mewujudkan sifat mahmudah dalam diri pelajar untuk kebaikan diri dan ummah. Ia harus menegakkan nilai-nilai tertentu dan mahir sebagai seorang pengajar, pengurus, pekerja sosial dan kesihatan mental, seorang ilmiah dan pengganti ibu bapa. Prinsip-prinsip bimbingan untuk ia memenuhi peranannya termasuklah mengenali dan memberi pengiktirafan akan potensi para pelajar, menghormati soalan-soalan dan ide-ide mereka dan meningkatkan lagi *expectation* dan *anticipations* mereka (Hassan Langgulong 1977).

PERMASAALAHAN KUALITI GURU PENDIDIKAN ISLAM

Selain daripada kefahaman tentang tuntutan menjadi guru Pendidikan Islam Cemerlang dan cabaran kemerosotan akhlak, disiplin dan moral pelajar, kajian dan penyelidikan berikut ini pula menunjukkan betapa keperluan guru pendidikan Islam amat penting untuk dikaji dan diselesaikan bagi menangani permasalahan guru Pendidikan Islam yang berterusan. Ringkasan kajian ini memperlihatkan tentang betapa kualiti guru pendidikan Islam yang kurang memuaskan berbanding dengan tuntutan agama Islam itu sendiri. Kualiti yang kurang memuaskan ini berkait rapat dengan kelemahan pada pengkaedahan pengajaran dan pembelajaran; penggunaan ICT; kemajuan sendiri; personaliti; dan, persekitaran guru.

Kualiti Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran

Permasalahan pertama yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam banyak berkait rapat dengan pengkaedahan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian mata pelajaran Pendidikan Islam dan guru-guru Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan di semenanjung Malaysia (Bahagian Pendidikan Islam, 1993) mendapati bahawa antara permasalahan yang dihadapi oleh mereka ialah kaedah pengajaran guru yang tidak kreatif, kurang mahir mengajar dan mereka lebih banyak menggunakan pendekatan *chalk and talk* serta terlalu *text book centered* dan amat kurang sekali menggunakan pendekatan pengajaran yang terbaru. Masalah yang sama juga didapati dalam kajian usahasama antara Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dengan Universiti Putra Malaysia (1994) mengenai keperluan professional guru Pendidikan Islam di sekolah menengah. Kajian ini mendapati bahawa guru Pendidikan Islam masih mempunyai keperluan dan masalah di sekolah kerana mereka masih memerlukan bantuan pada tahap yang tinggi dari segi aspek pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan lagi kemahiran mengajar mereka. Ini kerana mereka agak sukar untuk menarik minat para pelajar terhadap pelajaran Tilawah al-Quran, Akidah, Tamadun Islam dan Sirah. Selain itu, mereka juga memerlukan perkara yang boleh memajukan diri mereka seperti mendapatkan maklumat inovasi pengajaran terkini. Kajian ini juga menunjukkan bahawa guru-guru pendidikan Islam masih statik dengan kaedah lama dan kurang pendedahan dengan strategi pengajaran yang baru.

Kajian tentang permasalahan pendekatan pengajaran dan pembelajaran juga telah dilakukan oleh beberapa pengkaji. Antara kajian tersebut ialah kajian Abdullah Ishak (1995). Kajian ini mendapati bahawa sebanyak 64% guru Pendidikan Islam sering menggunakan kaedah kuliah semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Selain kaedah kuliah, kaedah perbincangan merupakan kaedah yang sering digunakan dengan dapatan sebanyak

80% guru Pendidikan Islam menggunakan kaedah tersebut. Kaedah yang agak popular ialah bercerita, sumbangsaran, tunjukcara dan penyelesaian masalah. Berdasarkan respon guru, kaedah-kaedah yang jarang digunakan oleh guru-guru pendidikan Islam semasa pengajaran dan pembelajaran ialah kaedah lawatan (66%), kajian kes (58%) dan simulasi (36%). Kajian Ab. Halim Tamuri (2000) pula ada mengkaji tentang pengkaedahan pengajaran dan pembelajaran akhlak. Kajian ini dijalankan dikalangan pelajar Tingkatan empat di Selangor dan Negeri Sembilan. Hasil dari temubual yang merupakan salah satu kaedah kajian beliau ke atas 27 pelajar, didapati lapan orang pelajar menyatakan bahawa mereka menghadapi masalah dalam pengajaran yang diberikan oleh guru mereka. Rumusan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat lima orang pelajar yang menyatakan mereka tidak dapat memahami apa yang dipelajari kerana penjelasan yang diberikan adalah kabur. Jumlah yang sama juga mengatakan mereka tidak dapat mengaitkan apa yang dipelajari oleh mereka untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. Tiga orang pelajar pula menjelaskan bahawa mereka rasa mengantuk, tidak dapat memberi tumpuan serta bosan kepada pengajaran yang diberikan oleh guru pendidikan Islam mereka. Seorang pelajar pula mengatakan bahawa ada gurunya yang menunjukkan perkara yang tidak baik semasa pengajaran dijalankan.

Kajian yang dilakukan oleh Kamarulzaman *et al.* (2002) yang dilakukan di SMAN Kelantan. Dalam kajian ini mendapati bahawa guru-guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab kurang memberi penekanan terhadap elemen penglibatan pelajar dalam kelas di samping banyak menggunakan kaedah berpusatkan guru berbanding yang berpusatkan pelajar. Kajian ini disokong lagi dengan kajian Ab. Halim *et al.* (2004) tentang keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan diri pelajar mendapati bahawa guru-guru yang dikaji masih banyak menggunakan kaedah syarahan dalam pengajaran Tilawah al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah serta adab dan akhlak walau pun mereka mengakui kaedah-kaedah lain adalah lebih memberi kesan kepada para pelajar mereka.

Keputusan yang hampir sama juga dapat dilihat daripada kajian persepsi pelajar dalam kajian yang dilakukan oleh Fakulti Pendidikan, UKM dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, KPM (2004). Kajian ini mendapati terdapat lima aktiviti yang paling kurang digunakan oleh guru Pendidikan Islam ketika mereka mengajar yang menjadikan pengajaran dan pembelajaran mereka kurang menarik minat. Aktiviti tersebut ialah mengadakan kelas di luar bilik darjah dengan min hanya 1.61, memberi peluang menulis asei tentang Pendidikan Islam (1.60), membawa pelajar ke makmal komputer (1.48), berlakon dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam (1.43) dan menggunakan Akhbar dalam dalam Darjah (ADD) semasa pengajaran dan pembelajaran (1.30). Selain itu, kajian ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Ab. Halim (2004) kerana memperlihatkan persepsi yang sama pelajar terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran guru pendidikan Islam. Gambaran aktiviti Pendidikan Islam yang kurang diminati oleh pelajar boleh dilihat dalam Jadual 1.5.

Jadual 1.5 Aktiviti Pendidikan Islam yang Kurang Diminati Pelajar (10 Terendah)

BIL	Aktiviti (N=2126)	Jumlah Pelajar	Peratusan (100%)
1	Penerangan secara syarahan/ kuliah	178	8.32

2	Mengemukakan idea-idea	159	7.43
3	Membuat buku skrap	133	6.21
4	Forum	123	5.75
5	Kajian perpustakaan	97	4.53
6	Menyalin ayat	89	4.16
7	Perbincangan	64	3.00
8	Lembaran kerja	53	2.48
9	Menjalankan projek secara individu	36	1.68
10	Lain-lain (<i>belajar di luar kelas</i>)	15	0.70

Berdasarkan kajian-kajian ini memperlihatkan betapa kajian guru Pendidikan Islam perlu menyedari hakikat sebenar kedudukan mereka dalam memperbaiki pengkaedahan pengajaran dan pembelajaran mereka.

Kualiti Penggunaan ICT

Penggunaan ICT merupakan pendekatan inovasi terkini yang bukan sahaja memberikan kemudahan yang lebih efektif dalam pengurusan kerja pentadbiran bahkan meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran guru. Namun begitu, perkembangan pesat ICT di Malaysia kurang memberi impak yang besar kepada perkembangan inovasi pengurusan serta pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam di sekolah. Ini dibuktikan dengan beberapa kajian yang dilakukan oleh pengkaji seperti kajian Hasbullah & Yusni (2003), Mohd. Jasmy & Muhammad Yusro (2003), Rosmaria (2003), dan kajian Ab. Halim et. al (2004).

Kajian Hasbullah (2003) mendapati bahawa guru Pendidikan Islam yang berada di sekolah pencapaian rendah mempunyai halangan kesediaan mengguna komputer yang lebih tinggi berbanding guru dari sekolah pencapaian tinggi. Walau bagaimanapun 40% daripada sampel masih berada dalam tahap rendah dan sederhana dalam kesediaan menggunakan komputer untuk pentadbiran dan pengajaran. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat guru Pendidikan Islam ini masih belum menerima sepenuhnya penggunaan teknologi baru di dalam pengurusan pendidikan serta pengajaran dan pembelajaran mereka terutamanya dari guru Pendidikan Islam yang datang daripada sekolah pencapaian yang rendah. Manakala kajian Mohd. Jasmy & Muhammad Yusro (2003) mendapati bahawa guru pendidikan Islam yang dikaji masih belum mengaplikasikan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Selain itu, mereka juga mempunyai sikap yang pasif dan tahap kesediaan yang rendah dalam menggunakan laman web ketika sesi pengajaran dan pembelajaran.

Kajian Rosmaria Mohd Sahat (2003) telah memfokuskan kajiannya kepada penggunaan komputer dan multimedia dalam pendidikan, khususnya dalam Pendidikan Islam. Hasil dari kajian ini mendapati bahan multi media dan perisian komputer yang ada hanya berbentuk umum yang tidak dihasilkan melalui perisian canggih, tetapi hanya dihasilkan dalam bentuk dokumentasi yang berbentuk cakera padat dan kurang mesra pengguna. Bahan-bahan yang dihasilkan tidak ramah pengguna, kurang interaktif, kurang menggalakkan perkembangan kognitif dan juga kurang memberi motivasi kepada pelajar. Beliau juga mendapati proses pembinaan sebuah perisian pendidikan yang baik adalah sukar dan memerlukan pengetahuan dan penguasaan bahasa pengaturcaraan komputer. Ini

memerlukan satu pendedahan dan latihan yang sistematik untuk guru-guru dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Jadual 1.6: Penggunaan BBM di Kalangan Guru Pendidikan Islam

Bil.	Bahan Bantu Mengajar (N=3166)	Min Kekekapan (1-5)
1.	Laman web	0.15
2.	Kad imbasan	0.27
3.	Perisian komputer Pendidikan Islam	0.27
4.	Papan gulung	0.29
5.	Kad carta	0.29
6.	Kaset	0.32
7.	Transparensi OHP	0.34
8.	Komputer (power point)	0.34
9.	Majalah	0.35
10.	Akhbar Dalam Darjah (ADD)	0.36
11.	Video/ VCD/DVD	0.36
12.	Bahan mautud / hidup	0.45
13.	Kad manila	0.49
14.	Kertas mahjung/sebak	0.51
15.	Gambar	0.52
16.	Akhbar harian	0.58
17.	Nota edaran	1.19
18.	Lembaran kerja	1.30
19.	Buku-buku rujukan lain	1.34
20.	Buku kerja tambahan	1.44
21.	Al-Quran al-Karim	1.55
22.	Buku teks	3.18

Kajian yang dilakukan oleh Ab. Halim et. al. (2004) pula mendapati bahawa banyak faktor yang dikenalpasti yang menjadi penyumbang kepada ketidakupayaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam untuk melahirkan generasi Islam yang benar-benar menghayati ajaran agama. Faktor tersebut termasuklah pedagogi guru yang membosankan, kurikulum yang meliputi buku teks dan strategi pengajaran yang berunsur tradisional serta kurangnya minat guru-guru pendidikan Islam untuk menggunakan teknologi maklumat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga menunjukkan tahap penggunaan teknologi maklumat di kalangan guru pendidikan Islam masih berada pada tahap yang rendah. Berdasarkan penilaian yang dilakukan oleh para pelajar menunjukkan terdapat empat jenis bahan bantu pengajaran yang paling kurang digunakan oleh guru-guru Pendidikan Islam, iaitu video atau VCD, komputer, perisian komputer pendidikan Islam dan laman-laman web. Dapatan keseluruhan kajian ini sebagaimana yang digambarkan dalam Jadual 1.6.

Kualiti Penguasaan Ilmu Khusus Pendidikan Islam

Aspek penguasaan konten ilmu antara aspek utama dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Kajian Keperluan Profesional Guru Sekolah Menengah Kebangsaan dan Guru Pendidikan Islam Menengah Kebangsaan (Bahagian Pendidikan Islam, 1994) mendapati dalam aspek penguasaan ilmu konten, masih terdapat di kalangan guru-guru yang belum begitu mahir menguasai ilmu konten ini. Sebagai contoh dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan masih memerlukan bantuan terutamanya dalam bidang Qiraat dan Taranum.

Terdapat juga kajian (Maktab Perguruan Islam 1995) lain yang menunjukkan bahawa ilmu asas dalam tajwid al-Quran masih belum dikuasai oleh guru-guru Pendidikan Islam. Kajian ini dijalankan ke atas 20 orang guru Pendidikan Islam yang mengikuti kursus Dalam Perkhidmatan (KDP), Qiraat Tarannum di Maktab Perguruan Islam, Bangi. Daripada kajian yang dijalankan hanya seorang sahaja yang lulus dalam ujian tersebut. Ujian pra ini dijalankan ke atas empat siri pengambilan dan keputusannya adalah sama. Rumusan daripada kajian menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam yang dikaji tidak menguasai sepenuhnya hukum-hukum Tajwid, terutamanya mengenai Makhraj dan sifat Huruf Idgham Mutaqaribbin, Mad Lazim Harfi Muthaqqal, Mad Lazim Harfi Mukhaffaf, Mad Badal, Mad Faraq, mad Silah Thowilah dan Hamzah Wasal. Lebih 80% guru-guru pendidikan Islam lemah dalam memahani istilah-istilah hukum Tajwid.

Kualiti Personaliti

Sifat keperibadian interpersonal dan intrapersonal yang positif lagi berada pada tahap yang tinggi memainkan peranan yang penting untuk individu guru khususnya guru Pendidikan Islam untuk berada dalam situasi guru yang cemerlang. Ini kerana guru Pendidikan Islam merupakan golongan yang menjadi kayu ukuran kepada keperibadian contoh Islam di kalangan pelajar dan rakan sekerja serta pihak pentadbir. Justeru, mereka tidak boleh lari daripada menghayati keseluruhan sifat serta akhlak yang mulia untuk menjadi guru Pendidikan Islam di khalayak ramai khususnya di sekolah.

Namun apa yang berlaku menurut beberapa kajian, sifat-sifat ini dimiliki secara total di kalangan guru Pendidikan Islam. Kajian Bahagian Pendidikan Islam (1993) menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam sekolah menengah yang dikaji masih lagi suka bergantung kepada orang lain untuk menyempurnakan tugas mereka selain mempunyai personaliti yang berada pada tahap sederhana sahaja. Dapatan ini disokong lagi dengan kajian yang dilakukan oleh Shahril @ Charil Marzuki (2002) yang mendapati bahawa sifat interpersonal guru Pendidikan Islam juga didapati mempunyai masalah. Beliau menjelaskan bahawa sifat interpersonal banyak berkait rapat dengan motivasi diri dan kemampuan untuk menangani stress. Tanpa sifat interpersonal yang positif sudah tentu guru sukar untuk menjadi seorang guru yang cemerlang dalam sekolah. Namun, menurut kajian beliau sifat-sifat interpersonal guru Pendidikan Islam yang dikaji berada dalam tahap yang sederhana sahaja.

Selain itu, Ab. Halim Tamuri (2000) dalam dapatan kajiannya tentang sikap guru ketika mengajar Akhlak mendapati daripada 27 orang pelajar yang ditemubual, 25 orang pelajar telah menyatakan terdapat beberapa aspek negatif yang wujud pada guru mereka seperti terlalu garang semasa pengajaran dan pembelajaran, suka memarahi pelajar tanpa usul periksa, suka menghina atau mengutuk pelajar, tidak memberi jawapan bila ditanya oleh pelajar dan ego dengan diri sendiri. Menurut Ab. Halim lagi walaupun perkara ini hanya

berlaku dikalangan segelintir guru-guru pendidikan Islam, isu ini perlu diberi perhatian yang serius kerana ianya akan memberi kesan sampingan yang negatif kepada perkembangan akhlak pelajar-pelajar.

Persekitaran Guru

Meningkatkan kualiti guru Pendidikan Islam menjadi keperluan semasa berdasarkan peningkatan cabaran persekitaran guru. Persekitaran guru terdiri daripada kepelbagaian dan kemampuan pelajar, persekitaran sekolah, akauntabiliti pentadbir sekolah, dan tekanan masyarakat termasuk ibu bapa pelajar. Ini terbukti dengan kajian-kajian yang dilakukan sejak tahun 1993.

Gambaran tentang cabaran pelajar dan kemampuan mereka seperti yang ditunjukkan dalam beberapa kajian. Antaranya ialah kajian tentang subjek Pendidikan Islam dan guru Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan di Semenanjung Malaysia (Bahagian Pendidikan Islam, 1993). Kajian ini membuktikan penguasaan pelajar untuk aspek pembacaan teks bertulisan Jawi dan pembacaan al-Quran adalah lemah. Selain itu, mereka juga kurang berminat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam berdasarkan pandangan mereka bahawa subjek ini bukanlah mata pelajaran wajib. Dapatan yang hampir sama juga seperti dalam kajian oleh Zaid Ngah (2002). Kajian ini mendapati terdapat pelajar yang mengakui bahawa mereka masih meninggalkan solat lima waktu walaupun telah mempelajari PAFA kerana hanya 40% pelajar menyatakan bahawa mereka tidak meninggalkan solat lima waktu. Selanjutnya sejumlah (40.7%) pelajar yang mempelajari PAFA hanya untuk lulus dalam peperiksaan sahaja walaupun secara keseluruhannya mereka mengakui bahawa PAFA telah memberi sumbangan yang positif kepada diri mereka. Dapatan kajian Yahya Abdullah (2003) tentang minat dan penghayatan terhadap subjek Pendidikan Islam juga menyokong kajian Bahagian Pendidikan Islam (1993) dan kajian Zaid Nyah (2002). Kajian beliau menunjukkan min persepsi pelajar terhadap matapelajaran Pendidikan Islam hanya berada pada tahap sederhana 3.27 walaupun ianya menghampiri tahap positif. Bagi aspek minat pula, purata yang ditunjukkan juga agak rendah iaitu 3.32 sahaja manakala bagi aspek penghayatan hanya 3.22 sahaja. Minat pelajar terhadap pendidikan Islam agak kurang memuaskan dengan min bagi item yang berkaitan dengan rasa seronok dan berminat mempelajari Pendidikan Islam hanya di tahap 3.28 sahaja.

Selain masalah dan kemampuan pelajar, beban tugas guru juga merupakan cabaran yang semakin besar kepada guru-guru Pendidikan Islam. Kajian Bahagian Pendidikan Islam (1993) dan kajian JAPIM dengan UPM (1994) mendapati bahawa beban tugas guru Pendidikan Islam semakin berat berdasarkan sikap pentadbir sekolah yang meletakkan semua aktiviti yang bercorak keagamaan di bawah tanggungjawab mereka.

Iklim sekolah juga kurang membantu kepada peningkatan kemahiran guru Pendidikan Islam. Ini dibuktikan lagi oleh kajian Bahagian Pendidikan Islam (1993) yang menyatakan bahawa iklim sekolah kurang memuaskan kerana sekolah kekurangan bahan bacaan di bilik sumber yang berkaitan dengan Pendidikan Islam. Pendidikan Islam juga tidak mempunyai bilik khas yang menyimpan kelengkapan pengajaran dan pembelajaran subjek itu. Selain keadaan sekolah, pentadbir juga menyumbang kepada kelemahan kemahiran guru. Sebagai contoh kajian yang dijalankan oleh Hatifah Yusoff (2000). Dalam kajian ini mendapati 44% (22) dari guru menyatakan mereka tidak pernah mendapat bimbingan daripada pentadbir sekolah dalam menyediakan rancangan pengajar dan 56%

(28) pula menyatakan mereka tidak pernah mendapat bimbingan dari kakitangan sumber dalam merangka perancangan pengajaran. Selain itu, 80% guru juga menyatakan mereka tidak pernah mendapat bimbingan dari pegawai pendidikan daerah, jabatan atau kementerian.

Pengaruh persekitaran masyarakat dan ibu bapa juga tidak membantu kepada kecemerlangan Pendidikan Islam di Sekolah. Kenyataan ini dibuktikan dalam kajian JAPIM dan UPM (1994) yang mendapati guru Pendidikan Islam tidak mendapat kerjasama daripada ibu bapa dan penjaga murid dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran Pendidikan Islam. Ini berdasarkan bahawa Pendidikan Islam merupakan pendidikan penghayatan Islam sebagai cara hidup. Oleh itu, keberkesanan penghayatan Islam tidak memadai hanya kepada guru Pendidikan Islam dan guru-guru di sekolah memandangkan masa pelajar lebih banyak bersama dengan keluarga dan masyarakat.

PENUTUP

Jelas bahawa guru Pendidikan Islam sekarang dan akan datang perlukan kepada anjakan paradigma baru bagi memenuhi tuntutan kecemerlangan diri seperti yang dikehendaki dalam Islam. Mereka juga perlu menguasai pelbagai kemahiran yang bukan sahaja berkaitan dengan ilmu Islam bahkan mereka memerlukan ketinggian ilmu dan penguasaannya bagi menangani masalah disiplin pelajar sekolah. Dalam masa yang sama pembaikan dalam pengkaedahan pengajaran dan pembelajaran khususnya kemahiran penggunaan ICT serta ketinggian personaliti bagi guru Pendidikan Islam perlu ditangani untuk meningkatkan lagi keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Pembaikan persekitaran guru sudah tentu mampu memperlengkapkan lagi keupayaan guru Pendidikan Islam di sekolah.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaludin dan Zamri Abdul Rahim. 2004. *Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar*. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri. 2000. *A study of the students' knowledge of akhlaq in the Malaysian secondary schools (with special reference to the Islamic education KBSM)*, Tesis PhD, University Of Birmingham.
- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Dawud, al-Imam Abu Dawud Sulaiman bin al-Ash'ath al-Sajastani. 1994. *Sunan Abi Daud*. Jil. 1-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad bin Hambal, al-Imam Abu 'Abdullah ibn Muhammad ibn Hambal ibn Hilal al-Shaibani. 1994. *Musnad li al-Imam Ahmad ibn Hambal*. Juz. 1-12. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Ahmad Nazri Mohamad. 2007. *Belia: Generasi Pelapis Terancam!* <http://www.edesa.net.my/modules/news/index.php?storytopic=4&start=150>, [18.1.2007].
- Al-Nawawi. 1981. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Juz. 1-18. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Tabrani, al-Imam. t.thn. *Al-Jam'u al-Sagir*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Bahagian Pendidikan Islam (1993). *Kajian mata pelajaran Pendidikan Islam dan guru-guru Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan di semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Berita Harian 04 Ogos 2004.
- Efindi Badarudin. 2007. Membendung Jenayah Pelajar dalam *Harian Metro online*. http://www.hmetro.com.my/current_News/HM/Saturday/Minda/20070224135544/Article/indexm_html, [8/03/2007].
- Harian Metro, 22 Julai 2007.
- Harian Metro, Minda, 6 Disember 2006.
- Harian Metro, Minda, 8 Februari 2007.
- Hasbullah & Yusni (2003). Kesediaan Guru-guru Agama Mengguna Komputer dalam Menjalankan Tugas Pentadbiran dan Pengajaran dalam *Perkaedahan Pengajaran Pendidikan: Antara Tradisi dan Inovasi*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan Langgulung, Dr. (1977). *Masalah-masalah Pelajar Sekolah Menengah*. Jurnal Pendidikan 5:44-56 1977.
- Hatifah Yussof. 2000. Pendidikan Syariah Islamiah: Satu kajian tentang permasalahan dalam pengajaran di sekolah agama dan harian. Kem. Pendidikan) dan sekolah agama menengah kerajaan negeri di Selangor. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UKM.
- Ibn Majah, al-Imam al-Hafiz Abu Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwiniy. t.t. *Sunan Ibn Majah*. Jil. 1-2. Mesir: Dar al-Fikr.
- Ibn 'Allan, Muhammad ibn 'Allan al-Sadiqi al-Shafii al-Ash'ariy al-Makki. 1998. *Dalil Falihin li Turuq Riyad al-Solihin*. Jil. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM). 1994. *Keperluan Profesional Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Kajian Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dengan Universiti Putra Malaysia.
- Kamarulzaman Abd. Ghani, Khadijah Abd. Razak & Mohd. Amin Embi. 2002. Dlm Zuria Mahmud et. al. pnyt. *Prosiding Kebangsaan Profesion Perguruan*. 2002. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Keselamatan dalam Negeri. 2007. *Kes jenayah juvana serius*. Kementerian Keselamatan dalam Negeri. <http://www.mois.gov.my/PressStatement/a.action?action=ViewWebsitePressStatementDetailEn&pressstatementID=216&language=bm>, [18.1.2007].
- Maktab Perguruan Islam. 1995. *Laporan Penguasaan Ilmu Tajwid di Kalangan Guru-guru Pendidikan Islam*. Bangi: Maktab Perguruan Islam.
- Malaysia Today. (2007). 10 kementerian tangani masalah disiplin pelajar dalam *Malaysia Today*. <http://www.malaysia-today.net/Blog-s/2006/05/10-kementerian-tangani-masalah.htm>, [8/03/2007].
- Marzita Abdullah. 2007. Jusa C dan Gred Khas – Kementerian Pelajaran Umum Penerima. 11 Januari 2005. Utusan Online. http://www.moe.gov.my/tayang.php?laman=baca_akhbar&bhs=my&id=49 [18.1.2007].

- Marzita Abdullah. 2007. Kes Jenayah - Pelajar Melayu Paling Ramai Ditangkap dalam *Utusan Online* 2004.
http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp?y=2004&dt=0804&pub=utusan_malaysia&sec=pendidikan&pg=pe_01.htm&arc=hive [8.3.2007].
- Mohd. Jasmy & Muhammad Yusro (2003). Tahap Aplikasi Guru Pendidikan Islam Terhadap Laman Web Pengajaran dalam *Perkaedahan Pengajaran Pendidikan: Antara Tradisi dan Inovasi*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muslim, al-Imam Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushairi al-Naisaburi. 2001. *Sahih Muslim*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Ramasamy C. 2007. Penjara Langkah Terbaik? dalam *Harian Metro, Minda 6 Disember 2006*. http://www.hmetro.com.my/Current_News/HM/Wednesday/Minda/20061206114052/Article/indexs_html. [6.3.2007].
- Rosmaria Mohd Sahat. 2003. *Penggunaan komputer dan multimedia dalam pendidikan di Malaysia*. Laporan kajian bebas Fakulti Pendidikan, UKM.
- Shahril @ Charil Marzuki (2002). *Ciri-ciri Guru yang Unggul: Satu Kajian Kes di Beberapa Buah Sekolah Menengah di Malaysia*. Jurnal Pendidikan jil. 22, 2002.
- Yahya Abdullah. 2003. *Persepsi, minat dan penghayatan terhadap matapelajaran Pendidikan Islam dikalangan pelajar tingkatan 5 di SMK Muzaffar Shah, Simpang Empat, Semanggol Perak*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UKM.
- Zaib Ngah. 2002. *Persepsi pelajar-pelajar terhadap PAFA: Satu kajian di sekolah-sekolah menengah pekan Banting*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UKM.